

Headline	Aplikasi kesan kedudukan masjid		
MediaTitle	Kosmo		
Date	13 Mar 2013	Language	Malay
Circulation	115,967	Readership	406,000
Section	Kosmo 2	Color	Full Color
Page No	27	ArticleSize	729 cm ²
AdValue	RM 6,338	PR Value	RM 19,015



Aplikasi kesan kedudukan masjid

Guanoolab.com tampil dengan aplikasi Islamik *FindMasjid* bagi memudahkan umat Islam mengetahui lokasi masjid yang berhampiran di sesebuah destinasi.

Oleh **KHADIJAH MOHAMAD NOR**
khadijah.mohamadnor@kosmo.com.my

BAGI umat Islam yang mementingkan solat berjemaah dalam kehidupan sehari-hari, masjid pasti menjadi persinggahan wajib walau di mana sahaja mereka berada.

Oleh itu, sekiranya berada di luar kawasan sekalipun, mereka sebelum-bolehnya akan cuba mencari masjid atau surau berhampiran untuk menunaikan kewajipan solat lima waktu.

Menyedari hakikat itu, pembangun aplikasi mobil tempatan, *Guanoolab.com* tampil memperkenalkan aplikasi sulung ciptaan mereka yang dinamakan *FindMasjid*.

Naib Presiden Operasi *Guanoolab.com*, Mohd. Wardi Hilmi, 34, berkata, *FindMasjid* merupakan satu inisiatif permulaan dalam usaha menggalakkan komuniti Muslim mendekati masjid.

"Niat kami hanya untuk membantu mengimarahkan masjid-masjid yang ada di kawasan masing-masing. Melalui aplikasi ini, pengguna boleh mengesan kedudukan dan lokasi sesuatu masjid jika mereka berada di luar kawasan atau kariah.

"Selain masjid, ia turut memaparkan lokasi surau berhampiran. Antara ciri-ciri istimewa yang terdapat dalam aplikasi ini termasuklah ruang carian, memuat turun gambar ak-

tiviti masjid dan respons terhadap aplikasi ini," ujar Wardi ketika ditemui *Kosmo!* baru-baru ini.

Aplikasi *FindMasjid* versi Android ini sudah berada di Google Play Store bermula 20 Februari lalu dan ia boleh dimuat turun secara percuma di laman tersebut.

Menurut Wardi, setakat ini lebih 20 lokasi masjid di sekitar Lembah Klang sudah berada dalam paparan aplikasi berkenaan. Antaranya termasuklah Masjid Sultan Mizan atau Masjid Besi di Putrajaya, Masjid Negara, Masjid Imam As-Shafie di Maluri dan Masjid Kem Tentera Sungai Besi.

"Melalui aplikasi ini juga, para pengguna boleh menambah koleksi masjid sedia ada yang pernah dikunjungi sekiranya mereka berada di luar daerah.

"Ia boleh dilakukan dengan cara memuat naik lokasi, data, Sistem Pementu Kedudukan Global (GPS) dan gambar masjid lain yang pernah dikunjungi sekiranya mereka berada di luar daerah sebagai maklumat kepada pengguna lain.

"Dengan cara ini, pengguna yang mempunyai aplikasi ini dapat mengetahui lokasi masjid terbaharu

yang dimuat naik," jelas Wardi sambil memberitahu aplikasi *FindMasjid* versi iOS juga telah berada di pasaran bermula 1 Mac lalu.

Tambahnya lagi, pihaknya tidak akan membuat apa-apa iklan komersial melalui aplikasi ini kerana tidak mahu mencampur aduk niat murni dalam mengajak orang ramai ke masjid dengan niat menambah pendapatan.

"Inisiatif ini merupakan khidmat bakti kami kepada masyarakat tanpa berharap pada sebarang imbuhan. Ia bertujuan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat beragama Islam agar lebih mendekati masjid dan surau.

"Saya percaya, jika kita buat sesuatu perkara yang baik, Allah akan membalasnya dengan pelbagai cara. Justeru, atas kepercayaan itu, kami di *Guanoolab.com* tidak akan meleakkan ruang iklan komersial," luah Wardi jujur.

Graduan Teknologi Maklumat dalam jurusan Multimedia dari Universiti Utara Malaysia (UUM) itu juga berharap agar lebih ramai pengguna akan memuat turun aplikasi *FindMasjid* untuk kemudahan mereka.

Guanoolab.com ditubuhkan hasil daripada gabungan lima sahabat yang menjalin hubungan secara maya untuk membangunkan ap-

Headline	Aplikasi kesan kedudukan masjid		
MediaTitle	Kosmo		
Date	13 Mar 2013	Language	Malay
Circulation	115,967	Readership	406,000
Section	Kosmo 2	Color	Full Color
Page No	27	ArticleSize	729 cm ²
AdValue	RM 6,338	PR Value	RM 19,015

likasi mobil berkualiti pada masa hadapan.

Uniknya, kesemua mereka tidak pernah bertemu secara bersemuka, tetapi hanya menjalankan tugas di tempat masing-masing. Kecanggihan teknologi ternyata memudahkan mereka untuk berkomunikasi dan berhubung tanpa perlu berjumpa.

Untuk maklumat lanjut mengenai aplikasi ini, layari laman web www.guanoolab.com.



UMAT Islam di Malaysia kini boleh menggunakan aplikasi khas untuk mengenal pasti kedudukan masjid berhampiran mereka.
- Gambar hiasan

Headline	Aplikasi kesan kedudukan masjid		
MediaTitle	Kosmo		
Date	13 Mar 2013	Language	Malay
Circulation	115,967	Readership	406,000
Section	Kosmo 2	Color	Full Color
Page No	27	ArticleSize	729 cm ²
AdValue	RM 6,338	PR Value	RM 19,015

findMasjid
Easy & Simple way to Search, Locate & Tag Masjid

FINDMASJID kini boleh didapati dalam versi Android dan iOS.

It's Official NOW!
Available on the Google play

Connect with partners: f t

MacBook Pro

INISIATIF Wardi dan pasukannya daripada Guanooolab.com membangunkan aplikasi *FindMasjid* bertujuan untuk menggalakkan komuniti Muslim mengimarahkan masjid.

PEMBANGUNAN aplikasi *FindMasjid* semata-mata untuk memudahkan pengguna beragama Islam menunaikan solat secara berjemaah.